

BAB II

KERANGKA TEORETIK

2.1 Pendahuluan

Di bahagian ini, perbincangan penulisan keseluruhannya adalah dalam rangka dan konsep teoretik. Kerangka teoretik yang melandasi penulisan ini adalah bertitik tolak dari tinjauan kepustakaan. Jenis sorotan literatur adalah berbentuk *integrative*. Misalnya Dr. Idris b. Awang telah memetik pandangan Clark Moustakas (1994) '*literature integrative*' adalah satu sorotan secara mendalam terhadap perkembangan semasa pengetahuan dalam bidang yang dikaji. Sorotan ini ialah untuk membolehkan pengkaji mengetahui sejauhmana telah dikaji dalam masalah itu dan apakah penemuan-penemuannya. Pengetahuan ini akan membantunya membuat rangka kajian yang boleh memperkemas dan mengembangkan pengetahuan dalam bidang tersebut. Dia juga boleh menentukan sama ada kajiannya nanti akan merupakan suatu penerokaan baru atau suatu duplikasi kepada kajian yang lepas.¹

Melalui pembacaan kajian-kajian yang terdahulu, diharapkan akan membimbing dan melandasi struktur penulisan ini. Pengkaji berpendapat bahawa minat dan kecenderungan kepada sesuatu subjek mempunyai pengaruhnya yang kuat terhadap persepsi dan pandangan kepada subjek tersebut.

¹ Idris b. Awang, Dr. Prof. Madya (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication, h.20

Justeru itu, di awal bab, pengkaji akan membuat tinjauan bacaan yang berkaitan minat dan pengaruhnya terhadap sikap dan pandangan mereka terhadap mana mana subjek. Memandangkan lokasi kajian adalah Kedah dan Sintok, maka pengkaji merasakan sangat wajar jika sejarah Kedah dan Sintok turut dikaji. Menyentuh tentang Kursus TITAS, pengkaji juga membicarakan latar belakang Kursus TITAS di IPTA, dan kedudukan TITAS di Universiti Utara Malaysia yang merangkumi sub topik seperti; matlamat Kursus, kaedah pengajaran dan pembelajaran TITAS dan kajian-kajian lepas yang berkait dengan tamadun Islam. Keseluruhan sub topik itu lalu dipadatkan dalam kesimpulan dan penilaian yang dituliskan di akhir bab ini.

2.2 Kajian terdahulu mengenai pandangan dan minat para pelajar terhadap sesuatu kursus atau subjek.

Menurut Crow and Crow(1983)² berpendapat sikap adalah kepercayaan atau pendapat mengenai sesuatu benda atau objek yang sukar diubah atau dipengaruhi, kerana wujudnya kecenderungan untuk bertindak dan bertingkahlaku terhadap benda atau objek tersebut. Sebagai contoh dalam proses pembelajaran di sekolah, pelajar mempunyai sikap positif terhadap sesuatu matapelajaran, terhadap sekolah dan diri sendiri, sementara yang lain bersikap negatif terhadap aspek-aspek yang dinyatakan itu.

² Crow and Crow(1983), *op.cit.*, h.115.

Sikap positif terhadap sesuatu mata pelajaran dapat dilihat dalam bentuk tingkah laku, misalnya seseorang itu dengan inisiatif sendiri melakukan kajian, berdiskusi serta membaca berkaitan dengan subjek, meskipun beliau masih diberi alternatif lain.³

Sikap pelajar terhadap sesuatu matapelajaran dapat dilihat dari beberapa aspek misalnya, Haladyna et. al(1982),⁴ mengukur sikap pelajar terhadap matapelajaran Pengajian sosial dari enam aspek, iaitu; fatalisme, konsep sendiri, signifikasi subjek pengajian sosial, kualiti pengajaran guru, perasaan puashati dengan kelas, kesesuaian dengan rakan sekolah dan suasana kelas.

Sikap dan pandangan seseorang itu terhadap sesuatu subjek itu tidak ada kaitan dengan pencapaian mereka dalam subjek tersebut. Misalnya kajian sikap motivasi di kalangan mahasiswa yang telah dibuat oleh Asmah bt. Omar(1990),⁵ terhadap sikap mahasiswa di Universiti Malaya, manakala Vijchulata dan Gan(1984)⁶ mengkaji sikap motivasi di kalangan mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia(Sekarang Universiti Putra Malaysia). Hasil kajian mereka menunjukkan dapatan yang berbeza. Misalnya Asmah mendapati bahawa sikap di kalangan mahasiswa terhadap bahasa Inggeris adalah positif. Sebaliknya Vijchulata dan Gan pula mendapati secara keseluruhannya orientasi motivasi mereka dalam

³ Bloom, B.S.(1976) *Human Characteristic and School Learning*, New York: Mc Graw- Hill, h.145

⁴ Haldyna, et al(1982) *Relations of Student, Teacher and learning Environment Variables to Attitudes Toward Social Studies*, Journal of Social Studies Research, h.36-44.

⁵ Asmah Hj.Omar(1990), "Attitudes in the Learning of English among Malaysian Students: A Case Study", (Kertas kerja Seminar Kebangsaan " Teaching of English as a Second Languages", Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands. 1990), h. 14

⁶ Vijchulata, et al (1984), "A Study of Needs and Motivation for Learning English Among Students in Universiti Pertanian Malaysia." (Kertas Projek penyelidikan, Fakulti Pendidikan Serdang, Universiti Putra Malaysia), h.10

pembelajaran bahasa Inggeris lebih bersifat *integrative* daripada *instrumental*.

Hasil dapatan dari kajian yang dijalankan oleh Juriah Long(1975),⁷ mengenai perkaitan antara sikap pelajar-pelajar bukan Melayu dalam peperiksaan Bahasa Malaysia di peringkat *Malaysia certificate of Education*(M.C.E) menunjukkan bahawa minat pelajar mempunyai perkaitan yang positif, tetapi kecil dan tidak signifikan dengan pencapaian Bahasa Malaysia pelajar-pelajar dalam peperiksaan MCE. Ini bererti minat pelajar terhadap Bahasa Malaysia tidak dapat meramalkan pencapaian bahasa Malaysia mereka dalam peperiksaan MCE. Seseorang pelajar yang menunjukkan minatnya atau kecenderungannya terhadap bahasa Malaysia boleh gagal dalam peperiksaan itu, dan keadaan yang sebaliknya juga boleh terjadi. Menurut beliau lagi, selain dari minat, fasilititas pembelajaran juga turut mengesani tahap pencapaian pelajar.

Kajian mengenai subjek Tamadun Islam pernah dijalankan oleh Khairul Anwar Mastor(1995),⁸ terhadap kira kira 341 orang orang pelajar Islam dan Bukan Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian tersebut menunjukkan terdapatnya beberapa perbezaan sikap, pandangan dan corak pembelajaran di antara pelajar Islam dan bukan Islam. Tanggapan sikap mengenai Islam, didapati 42% pelajar berbangsa Cina tidak berminat mengambil subjek ini, dan hanya memenuhi syarat pengijazahan semata mata. Manakala 46.4 % pelajar berbangsa India dan 50.8% pelajar berbangsa Cina bermasalah dengan beberapa istilah

⁷ Juriah Long(1975), *Masalah Pencapaian Murid murid Bukan Melayu Dalam Peperiksaan Bahasa Melayu di Peringkat M.C.E.* Satu Analisa. Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 1975, Abstrak kajian.

⁸ Khairul Anwar Mastor(1995), "Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam di UKM:maklum Balas Pelajar" (Kertas kerja Seminar Pendidikan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 15 April 1995), h.15.

Bahasa Arab yang sering digunakan oleh para penterjemahnya. Namun demikian, subjek ini telah berjaya merubah persepsi, pandangan para pelajar, terutamanya yang bukan Islam terhadap Islam. Buktinya 85.6 % pelajar berbangsa Cina dan 85.7 % berbangsa India masing-masing berpandangan bahawa subjek ini telah berjaya mengubah tanggapan dan pandangan negatif mereka selama ini terhadap Islam.

Kajian yang agak menarik mengenai subjek tamadun Islam ialah yang diusahakan oleh Shukri b. Ahmad dan Wan Ab Rahman Khudzri bin Wan Abdullah(1997),⁹ yang mengkaji 331 responden. Kajian mereka menunjukkan 70 % responden mengakui cara penyampaian penterjemah tamadun adalah menarik. Mengenai Islam pula pelajar nampaknya masih terkeliru dengan kenyataan Islam mementingkan pembangunan material dan spiritual, buktinya 56 orang(17%) responden memberikan jawapan tidak pasti, dan 105 orang(32%) menyatakan Islam melebihi spiritual dari material.

Kesimpulannya, hasil dari beberapa kajian yang dibentangkan di atas, menunjukkan hasil dapatan yang tersirat dan tersembunyi, membuktikan bahawa sikap seseorang pelajar terhadap sesuatu subjek itu, secara tidak langsung mempengaruhi pula pandangan, minda dan minat seseorang pelajar itu.

Kefahaman dan penghayatan terhadap sesuatu subjek mempengaruhi sikap pelajar. Manakala pencapaian pelajar dalam sesuatu subjek itu pula tidak

⁹ Shukri b. Ahmad dan Wan Ab Rahman Khudzri bin Wan Abdullah(1997), "Persepsi pelajar Universiti Utara Malaysia terhadap Kursus Tamadun Islam", (Kertas projek, Sekolah Pembangunan Sosial, UUM, Sintok, Kedah Darulaman), h.24-26.

mempengaruhi sikap, minat, motivasi dan kecenderungan seseorang pelajar itu terhadap mana mana subjek.

Oleh itu, pengkaji tidak memasukkan pencapaian pelajar dalam TITAS sebagai mempengaruhi pandangan mereka. Faktor faktor lain yang dikira sangat signifikan dengan pandangan pelajar adalah sebab-sebab Intrinsik dan Signifikan; Ekstrinsik dan Organisasi serta lain-lain sebab atau faktor. Faktor-faktor tersebut akan dibincangkan dan difokuskan secara mendalam dalam 'bab metodologi penyelidikan'.

2.3 Kursus TITAS di Universiti Utara Malaysia dan Institut Pengajian Tinggi Malaysia.

2.3.1 Latarbelakang(sejarah)Kursus Tamadun di Institut Pengajian Tinggi.

Pada 27 Mei, 1981 diadakan buat kedua kalinya, setelah berlangsungnya mesyuarat pertama yang telah diadakan pada 9 April, 1981. Dalam mesyuarat kali kedua ini, pihak Universiti-universiti tempatan pada dasarnya telah bersetuju bagi mengadakan kursus ini. Untuk satu jawatankuasa kerja telah dibentuk bagi mengkaji proses perlaksanaannya.

Dua buah jawatankuasa telah dibentuk oleh mesyuarat tersebut ;

1. Jawatankuasa kerja yang kemudiannya dikenali sebagai 'Jawatankuasa Pemandu Kursus Tamadun Islam'.
2. Jawatankuasa kecil kajian kursus tamadun Islam yang membentuk Sukatan Pelajaran, tenaga pengajar dan kursus

kepada bakal pensyarah. Jawatankuasa ini pula menubuhkan dua jawatankuasa kecil, iaitu; Pertama: bagi Universiti-universiti tempatan, Kedua: bagi ITM, Maktab-maktab dan Politeknik.

Dalam mesyuarat Jawatankuasa pemandu telah diambil kata sepakat dengan proposal jawatankuasa Kecil tersebut mengenai masa, format dan strukturnya.

Garis panduan juga telah diletakkan sebagai dasar tetap bagi kursus ini, iaitu;

Pertama: Kursus hendaklah berorientasikan pengetahuan bukan berorientasikan pendidikan.

Kedua: Wajib kepada semua pelajar Islam dan bukan Islam.

Ketiga: Bukan sebagai ganti kepada fardhu ain atau mana-mana Kursus yang bercorak Islam yang sedia ada.

Keempat: Bertujuan memperkenalkan Islam sebagai prinsip cara hidup yang universal sesuai dengan masa dan keadaan.

Kelima: Semangat perpaduan dalam Islam dan sifat-sifat toleransinya harus ditonjolkan dalam kursus ini.

Jawatankuasa tersebut juga mencadangkan pensyarah bagi kursus ini hendaklah dipilih khas dari mereka yang mempunyai kewibawaan yang

tinggi dan perlu didedahkan dengan kursus tersebut. Diputuskan juga bahawa kursus ini harus bermula pada 1983.

Dari segi peringkat dan tahap perlaksanaannya, Y.B Menteri Pendidikan Dato' Musa Hitam dalam taklimatnya kepada Perdana Menteri pada 18 Februari 1983, telah menerangkan langkah-langkah yang sedang dijalankan oleh institusi Pengajian Tinggi tempatan;

Pertama: UKM(Universiti Kebangsaan Malaysia)

Telah meluluskan dalam mesyuaratnya pada 27 Januari 1983, bagi memulakan kursus ini pada sesi 1983/84 sebagai kursus wajib menggantikan Kursus Ketatanegaraan Malaysia. Kandungan kursus akan diubahsuaikan dengan dimasukkan unsur-unsur sejarah kenegaraan Malaysia.

Kedua: Universiti Putra Malaysia(UPM)

Dalam mesyuaratnya pada 9 Februari 1983 bersetuju menjadikannya kursus teras(*core course*). Wajib kepada semua pelajar di peringkat diploma dan sarjana muda mulai sesi 1983/84. Di kehendaki lulus kursus ini dalam masa tiga tahun pertama kursus masing-masing diletakkan di bawah Jabatan Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan.

Ketiga: Universiti Teknologi Malaysia(UTM).

Menerima rancangan kursus ini. Wajib diambil oleh semua pelajar baru dan wajib masuk periksa.

Keempat: Universiti Sains Malaysia(USM)

Mesyuaratnya pada 20 Januari 1983, bersetuju secara prinsip diadakan mulai sidang akademik 1983/84.

Kelima: Universiti Utara Malaysia(Akan dibincangkan dalam bulan Mac, 1983).

Keenam: Institut Teknologi Mara(ITM).

Tiada masalah untuk melaksanakannya pada tahun 1983, kerana sebelumnya telah diadakan kursus yang hampir sama dan diwajibkan kepada setiap pelajar.

Pada 22-23 hb November 1983, Bengkel Pengajaran Kursus Tamadun Islam kedua di UPM anjuran Jabatan Sains Kemasyarakatan, fakulti Pendidikan UPM. Manakala pada 21 April 1984, diadakan pula perjumpaan pertama pensyarah tamadun Islam di pusat pengajian tinggi tempatan di UPM. Wakil-wakil yang hadir ialah dari UKM, UM dan USM.

Bengkel Tamadun Islam di ITM pada 21 April 1984. Bengkel Silibus Tamadun Islam pada 23 Mei, 1984 di ITM atas arahan Jabatan Perdana Menteri. Perjumpaan kedua pensyarah Tamadun Islam di Pusat Pengajian Tinggi Tempatan pada 22 Jun 1984 di UPM. Mesyuarat penilaian semula dan penyelarasan kursus Tamadun Islam di Institusi Pengajian tinggi tempatan pada 11 Ogos 1986 di Kementerian

Pendidikan, rumah Persekutuan yang dihadiri oleh naib-naib Canselor, Ketua-Ketua Pengelola Kursus serta wakil-wakil mereka.

Dalam perjumpaan tersebut juga turut dicadangkan ;

Tamadun Islam(TITAS 1) yang dilaksanakan di Universiti berbeza antara satu Universiti dengan Universiti yang lain, sama ada dari segi nama kursus atau modelnya bukanlah kursus baru yang dikendalikan oleh IPTA (Institut Pengajian Tinggi Awam) ketika ini ada empat model pelaksanaan kursus tersebut iaitu;

- i. Ada IPTA yang mewajibkan kursus Tamadun Islam kepada semua pelajar dan wajib lulus.
- ii Ada IPTA yang mewajibkan kursus itu diambil oleh semua pelajar tetapi hanya pelajar Islam sahaja yang wajib lulus.
- iii Ada IPTA yang menjadikan kursus tersebut sebagai elektif dan wajib lulus dan
- iv Ada IPTA yang menjadikan kursus tersebut sebagai elektif yang tidak wajib lulus.

Sehubungan itu Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan badan Perundingan Islam membuat keputusan perlunya penyelarasan di IPTA supaya pelaksanaan kursus Tamadun Islam lebih berkesan. Kementerian Pendidikan akan menjalankan kajian terperinci tentang keperluan bagi para pelajar di IPTA terhadap kursus 'Tamadun Islam'. Kajian ini penting

dan mengambil kira persekitaran semasa hasil pertumbuhan ekonomi, politik dan intelektual serta kepesatan sains dan teknologi.

Kursus ini wajib kepada semua pelajar dan wajib lulus di IPTA sahaja. Pelaksanaan kursus ini tidak membebankan pelajar sama ada dari segi masa, isi kandungan atau kerja kursusnya. Perincian tentang kursus ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Naib-naib Canselor dan Rektor Universiti Awam/ITM, termasuklah dari segi *credit hours*. Komponen utama kursus ini mengandungi tiga aspek penting iaitu; Kenegaraan, Tamadun Islam dan Tamadun-tamadun Asia yang utama seperti Tamadun Melayu, China, India dan Jepun. Paksi dan tumpuan kepada kursus tersebut ialah Malaysia sebagai sebuah negara yang Islam sebagai agama rasminya dengan mengambilkira masyarakat berbilang kaum dan agama. Kursus ini dikendalikan secara ilmiah oleh para ahli-ahli akademik yang menjurus kepada aspek pendedahan dan wacana bukan indoktrinasi dan juga bukan dogmatik. Oleh yang demikian tiada pihak yang harus khuatir atau curiga dengan langkah kerajaan ini. Kursus Tamadun Islam dan Tamadun-tamadun Asia ini sangat penting dan berguna kepada semua pelajar tanpa mengira kaum dan agama kerana isi kandungan kursus ini boleh memberi gambaran yang jelas tentang rupa bentuk dan corak masyarakat yang sedang kita hadapi ketika ini khususnya di Malaysia dan rantau ini amnya. Manakala semua pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pula akan diwajibkan mengambil kursus "Pengajian Malaysia" dalam bahasa kebangsaan sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996(Akta 550) Fasa 75(1)(6). Pelajar Islam akan

diwajibkan mengikuti kursus pengajian Islam, sementara pendidikan moral pula wajib kepada para pelajar yang tidak Islam.¹⁰

2.3.2. Kursus Tamadun Islam di Universiti Utara Malaysia

Kursus Tamadun Islam telah mula diperkenalkan bermula sejak dari penubuhan UUM, iaitu tahun 1984. Kursus ini diwajibkan kepada semua para pelajar sama ada Islam dan bukan Islam.

Kursus tersebut juga merupakan salah satu dari kursus teras Universiti yang bernilai 18 mata kredit. Kod Kursus ialah AN 1012 Tamadun Islam dan Asia Kertas 1. Dan AN 1022 Tamadun Islam dan Asia Kertas 2. Kursus tersebut, dikendalikan sepenuhnya oleh Pensyarah Tamadun Islam di Sekolah Pembangunan Sosial untuk pelajar semester satu dan dua di Semua Sekolah yang menawarkan ijazah Sarjanamuda.

Sekolah sekolah tersebut ialah;

Sekolah Pengurusan menawarkan ijazah ;

Sarjanamuda Pengurusan Perniagaan dengan kepujian, BBA(Hons);

Sarjanamuda Pengurusan Pelancongan dengan Kejujian, BTM(Hons);

Sarjanamuda Pengurusan Sumber Manusia dengan Kejujian,

BHRM(Hons); dan Sarjanamuda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa

dengan Kejujian, BIBM(Hons).

Sekolah Perakaunan menawarkan ijazah

Sarjanamuda Perakaunan dengan Kejujian, BAacct(Hons);

¹⁰ Dipetik dari sumber Warta Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bil.4, 1997- ISSN 1394-7958).

Sekolah Sains Kuantitatif yang menawarkan

Sarjana Muda Sains Pemutusan dengan kepujian (BSc Hons, Dec Sc).

Aspek aspek¹¹ yang dapat dikategorikan konsep asas TITAS kertas satu, antaranya ialah seperti konsep agama, Islam dan Tamadun, konsep aqidah, konsep dan falsafah syariah adalah diandaikan pelajar-pelajar Islam dan bukan Islam akan menzahirkan pandangan yang berbagai. Oleh itu, kandungan silibusnya perlulah disampaikan dengan metodologi yang tertentu, Misalnya tentang aqidah hendaklah diberi kefahaman apa, kenapa dan bagaimana konsep tersebut berjaya berperanan sambil membentuk dan membina tamadun yang hebat. Keunggulan, kesucian dan kesempurnan Islam seharusnya dilandaskan pandangan dari Sarjana Muslim atau bukan Muslim.¹²

Ringkasnya para pensyarah TITAS haruslah menjadikan konsep *al Rābbāniyyāh* sebagai paksi yang akan disurgalurkan dalam setiap pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS I. Kemahiran dalam mempelbagaikan teknik pengajaran akan menelurkan minat dan seterusnya membibitkan pandangan positif di kalangan para pelajar terhadap kursus tersebut.

¹¹ Aspek aspek bermaksud semua sub topik yang terkandung dalam silibus subjek TITAS kertas satu, yang sedang digunapakai oleh IPTA, termasuk UUM, Sintok, Kedah d.a. Kandungan keseluruhan dapat dirujuk di bahagian lampiran.

¹² Wawancara dengan Dr. Shukri Ahmad, Pensyarah TITAS di Sekolah Pembangunan Sosial UUM, pada 12 Mac, 2001.

2.4 Matlamat kurikulum subjek TITAS dalam konteks Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

2.4.1 Pengenalan

Bahagian ini akan memfokuskan perbincangan mengenai konsep kurikulum dan matlamat Pendidikan. Percanggahan Matlamat TITAS dengan Falsafah Pendidikan Umum turut dibincangkan. Ruang lingkup perbincangan akan merangkumi aspek pengertian, matlamat, kandungan, kaedah pengajaran dan penilaian. Turut juga disinggong ialah faktor faktor yang dikatakan membantu ke arah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran..

2.4.2 Matlamat kurikulum TITAS di IPTA

Menurut Dr. Abd Halim b.Hj. Mat Diah(1989), pendidikan itu diarahkan untuk mencapai suatu tujuan, iaitu membentuk keperibadian tertentu.¹³ Tujuan atau objektif pendidikan bergantung pula kepada kurikulum pendidikan.

Kurikulum pendidikan mencerminkan falsafah dan kebudayaan sesuatu masyarakat, sama ada dalam bentuk ekonomi, politik atau sosial. Ia merupakan suatu proses berterusan, dinamis dan berubah mengikut perubahan dan kehendak masyarakat.¹⁴ Manakala Trump(1973),¹⁵ kurikulum adalah satu perkara yang penting, merangkumi persoalan

¹³ Abd. Halim bin Hj. Mat Diah,Dr (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), h.42

¹⁴ Nicholls Andrey(1972), *Devoloping A Curriculum A Practikal Guide*, London: George Allen and Unwin Publishers Ltd., h.5

¹⁵ Trump J. Lloyd, Delmas F. Miller(1973), *Secondry School Curriculum Improvement*, New York: Printed in the United States of America, h.13

huraian, tujuan, program aktiviti dan hasil penilaian. Aspek asas yang terangkum sebagai teras kepada kurikulum ialah; apakah yang mesti diajar, mengapa ianya perlu dipelajari dan bagaimana pula hendak disampaikan bahan-bahan pengajaran itu.¹⁶

Di dalam kurikulum pula terdapat sekurang-kurangnya empat faktor yang saling berkaitan dan pengaruh mempengaruhi, iaitulah matlamat kurikulum, kandungan kurikulum, kaedah pembelajaran dan penilaian pencapaian. Alexander(1974)¹⁷ berpendapat tujuan sesuatu kurikulum itu digubalkan ialah satu rancangan menyediakan himpunan peluang peluang pembelajaran agar sampai kepada objektif tertentu yang relevan dengan para pelajar.

Berasaskan beberapa pengertian Kurikulum sepertimana dibentangkan di atas oleh tokoh-tokoh pendidikan, dapatlah dirumuskan secara amnya kurikulum adalah membawa maksud kandungan atau satu rancangan pengajian sesuatu subjek atau kursus yang mengandungi matlamat, kandungan, metodologi pengajaran dan pembelajaran juga aspek-aspek penilaian bagi mengukur pencapaian pelajar.

¹⁶ Taylor, P.H. and Johnson, M(1974), *Curriculum Development; A Comparative Study*, Great Britain: NFER Publishing Company Ltd., h.10

¹⁷ Alexander, W.M(1974), *Planning Curriculum For Schools*, New York: Holt Rinehart and Winston, h.6

2.4.2(1) **Matlamat Pengajian Kursus TITAS 1 di IPTA.**

Tujuan pendidikan itu haruslah disesuaikan dengan dasar pendidikan suatu bangsa. Oleh kerana itu, maka tujuan pendidikan di antara bangsa-bangsa adalah berbeza-beza, yang daripadanya lahir definisi pendidikan yang berbeza-beza pula.¹⁸ Setiap institusi pengajian tinggi awam, masing-masing telah menggariskan matlamat pengajian TITAS. Namun demikian, matlamat asas boleh dikatakan telah wujudnya keselarasan, terutamanya dalam aspek pendedahan dan memperkenalkan Islam sebagai prinsip kehidupan.

Baharudin Yatim(1995),¹⁹ telah mengutarakan dua matlamat bagi kursus ini iaitu untuk memberikan kefahaman kepada semua pelajar IPTA mengenai Islam sebagai satu tamadun serta cara hidup yang sejagat dan sumbangannya kepada tamadun dunia. Dan keduanya: untuk menghilangkan prasangka atau apa-apa pandangan negatif yang mungkin timbul di kalangan rakyat berbilang kaum mengenai agama Islam sebagai agama rasmi negara. Beliau juga terus mengingatkan sambil menyarankan antaranya agar semua pihak hendaklah cermat dan berhati-hati dalam merealisasikan matlamat yang kedua. Sungguhpun matlamatnya baik, tetapi jika perlaksanaannya tidak berhemah, akan membawa masalah. Sedangkan matlamat pertama tiadalah membawa apa-apa masalah, kerana pengajian yang bermatlamat sudah lama ditawarkan di universiti-universiti negara luar.

¹⁸ Abd. Halim bin Hj. Mat Diah, Dr. (1989), *op.cit.*, h.42

¹⁹ Baharudin Yatim, Dr. Prof. (1995), *Op.cit.*, h.4

Manakala Azhar *et.al*(2000),²⁰ telah mengemukakan sekurang kurangnya lima matlamat TITAS 1 atau tamadun Islam dalam konteks IPTA. pertamanya: menyatupadukan masyarakat Malaysia dan menerapkan nilai-nilai murni yang ada pada setiap tamadun di negara kita, berteraskan tamadun Melayu. Kedua: Memperkenalkan pengajian ketamadunan di Institusi pengajian tinggi bagi pemahaman dan menimbulkan rasa hormat antara kaum di Malaysia. Ketiganya: Membuka minda pelajar tentang pengajian tamadun dunia dan memahami aspek-aspek penting ilmu ketamadunan. Pengajian ini akan merintis jalan ke arah pemikiran global, kritis, rasional dan terbuka. Keempat: Pendedahan fikiran ke arah persefahaman antara kaum, kasih sayang dan keamanan sejagat. Dan kelimanya: Pengisian minda pelajar ke arah pencapaian matlamat wawasan 2020.

Abdul Kadir Hj.Din(1995)²¹ pula telah mengemukakan dua matlamat pengajian Kursus Tamadun Islam dalam konteks di UKM, pertama; untuk memberi kefahaman tentang Islam sebagai satu Tamadun dan cara hidup sejagat, serta sumbangannya kepada perkembangan tamadun dunia. Dan Keduanya: untuk mengikis prasangka terhadap Islam sebagai agama rasmi negara, dan dengan itu membantu menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia.

²⁰ Azhar Hj.Mad Aros, *et.al*(2000), *Op.cit.*, h.iii

²¹ Abdul Kadir Hi. Din, Dr Prof.(1995), 'Tamadun Islam dalam Konteks Pengajian Umum di UKM: Impian, Hambatan dan Cadangan' (Kertas kerja Seminar Pendidikan Tamadun Islam di UKM, 15 April, 1995).h.15

2.4.2(2) Percanggahan antara Matlamat TITAS dan Falsafah Pendidikan Umum dalam beberapa aspek kurikulum.

Menyentuh mengenai dasar pendidikan negara, Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah(1989) berpendapat bahawa dasar pendidikan itu haruslah disesuaikan dengan cita-cita dan falsafah hidup seseorang pendidik atau sesuatu bangsa. Kerana itu, maka dasar dan tujuan pendidikan suatu bangsa adalah bersumber kepada cita-cita dan falsafah hidupnya.²⁴ Justeru itu, matlamat TITAS wajarlah berlandaskan kepada konsep Islam.

Bagi melihat wujudnya percanggahan matlamat TITAS dan falsafah pendidikan umum, pengkaji merasakan perlulah ditinjau terlebih dahulu pentakrifan tamadun Islam dari pelbagai perspektif. Di sini pengkaji cuma membataskan perbincangan mengenai takrif tamadun bagi mengesahkan yang sebenarnya tamadun Islam itu mempunyai kaitan dengan keagamaan(Islam). Pengkaji menyedari takrif tamadun tersangat banyak dan luas sekali. Oleh itu mana-mana yang difikirkan ada signifikannya sahaja dibincangkan.

Tamadun dapat diertikan sebagai kebudayaan, kemajuan. Peradaban sesuatu bangsa yang bertamadun, bermakna bangsa yang beradab, bersopan santun dan kemajuan.²⁵ Dalam kamus *al Munjid* pula, istilah tamadun adalah terbitan daripada lafaz *ṭāmāddānā*, iaitu suatu

²⁴ Abd. Halim b. Hj. Mat Diah, Dr(1989)*op.cit*, h.42

²⁵Teuku Iskandar, Dr.(1997), *Kamus Dewan*, Edisi ke 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1355.

fenomena daripada perubahan cara hidup daripada corak liar atau nomad kepada kehidupan yang berbentuk maju.²⁶

Ibn Khaldun(1332 – 1406M), mengungkapkan beberapa kalimah, seperti *ūmrān*, *ṭamāddūn* dan *ḥādhārāh* sebagai merujuk kepada pengertian tamadun.²⁷ Malahan istilah ‘*ūmrān*’ digunakan ketika membincangkan sifat-sifat masyarakat di kalangan manusia.²⁸ Pada kurun kedua puluh muncul pula perkataan ‘*Māḍāniyyāh*’ yang mula diperkenalkan oleh Farid Wajdi dan Syaikh Muhammad Abduh. Namun demikian, Istilah ‘*māḍāniyyāh*’ dan ‘*ḥādhārāh*’ tidaklah boleh dianggap sebagai seerti. Ini ialah kerana kalimah *māḍāniyyāh* menunjukkan suatu tingkatan yang tinggi dalam kehidupan kebendaan sesuatu masyarakat yang ketara dalam aspek pembangunan, perancangan dan penyusunan Bandar serta penyediaan kemudahan infrastruktur serta wujudnya pelbagai keperluan hidup sama ada yang asasi atau tidak asasi. Manakala ‘*al Ḥādhārāh*’ ialah bermaksud aspek-aspek pemikiran, moral dan sosial dalam kehidupan sesuatu masyarakat dan ketara dalam bidang pengetahuan, kesusasteraan, kesenian, sistem pemerintahan, peraturan moral, adat resam, budi pekerti dan kepercayaan agama.²⁹

²⁶ Louis Ma'luff(1927), *al Mūnīd Fī al Lūghāh*, Beirut: *al Māṭbā'ah al Kātholikiyyāh*, h.807-808.

²⁷ Nama sebenarnya ialah Waliuddin Abdurrahman Ibn Muhammad Ibn Muhammad Ibn al Hassan Ibn Jabir Ibn Muhammad Ibn Ibrahim Ibn Abd.Rahman Ibn Khaldun. Dilahirkan di Tunis pada 732 H/1332M. Beliau merupakan seorang sejarawan, politikus dan filsaf Islam yang agong. Wafat pada 808H/1406M.(Sila lihat dalam Khair al Din al Zarakli (1979), *al Ta'rif bi Ibn Khaldun Wa Rihlatuhu gharban Wa Syarḥan*, Beirut: Dar al Kitab al Lubnani, al Alam, Jld.4, hal. 106-107

²⁸ Zakaria Hashim Zakaria, (1970), *Faḍl al Hadarat al Islamiyyat Wa al Arabiyyah al Alam*, al Qahirah: Maktabah al Nahdhah Misr. h.150

²⁹ Abdul Fattah Muqallid al Ghunaimi,(1979), *al Islām Wā al Ṭḥāqāfāt al Ārābiyyāh fī Āūrūbbā*, al Qahirah: *Ḍār al Ṭḥāqāfāt al Ārābiyyāh Li al Ṭībā'ah*. h.148

kecapaian manusia keseluruhannya seperti pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan keupayaan-keupayaan serta tabiat tabiat lain yang didapati oleh manusia sebagai anggota sesuatu masyarakat.³⁴

Dengan membandingkan tamadun dari perspektif bahasa Inggeris dan Bahasa Arab, maka dapatlah dibuat rumusan ringkas bahawa pentakrifan '*Civilization*' lebih berfokuskan kepada pembangunan materialisme semata-mata, sedangkan maksud dari takrif tamadun dari akarkata bahasa Arab lebih penekanannya kepada maksud pencapaian dalam kedua-dua aspek secara bersepadu lagi harmoni, iaitu aspek spiritual(kerohanian) dan materialisme(kebendaan).

Abdul Latif Muda(1983), dengan memetik pendapat sayyid Qutb, mendefinisikan tamadun Islam sebagai segala bentuk kemajuan yang dihasilkan oleh sekumpulan masyarakat seperti sistem sosial, pemerintahan, politik, ekonomi dan kebudayaan yang berteraskan syariah Allah (swt), serta bercirikan nilai-nilai moral Islam.³⁵

Bagi Edward Taylor(1971), Tamadun itu adalah rangkuman semua sifat yang kompleks dan merangkumi semua aspek pengetahuan, kepercayaan, kesenian, nilai-nilai moral, undang-undang dan budaya masyarakat. Ini termasuklah juga segala daya kreatif dan amalan warisan

³⁴ *The New Encyclopaedia Britannica*, Micropaedia, Jld. Iv, 1974, h. 657.

³⁵ Abdul Latif Muda(1983), *Pemikiran Islam menghadapi cabaran*, Kuala Lumpur: ABIM, h.9

yang diusahakan seseorang individu atas sifatnya sebagai anggota masyarakat.³⁶

Albert Schweitzer³⁷ melalui karyanya yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab berjudul '*Fālsāfah al Ḥādḥārāh*' oleh Dr. Abdul Rahman Badawi, mendefinisikan tamadun sebagai kemajuan yang seimbang antara aspek kerohanian dan kebendaan ke atas individu atau masyarakat.

Bagi sayyid Qutb, tamadun Islam ialah segala bentuk kemajuan yang dihasilkan oleh sekumpulan masyarakat seperti sistem sosial, pemerintahan, politik, ekonomi dan kebudayaan yang berasaskan *ṣyārīāt* Allah (swt), serta bercirikan nilai-nilai moral Islam.³⁸ Said Hawa pula berpendapat tamadun secara umumnya dapat dikategorikan kepada dua sahaja, iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Jahiliah. Tamadun Islam ialah segala aspek kemajuan yang tegak di atas kebudayaan Islam serta hasilnya juga berkaitan dengan kebudayaan itu. Tamadun jahiliah pula ialah segala kemajuan yang dijelmakan dalam bentuk kebendaan dengan tidak mengambilkira aspek kerohanian dan moral.³⁹ Abu Bakar Hamzah (1972), pula berpendapat tamadun Islam menitikberatkan soal pembangunan yang sepadu antara dua unsur iaitu kerohanian dan kebendaan. Pembangunan itu lahir seiring, sejalan dan serentak dengan

³⁶ E.B Taylor (1971), *Primitive Culture*, London: John Murray, h.1.

³⁷ Albert Schweitzer, (t.t) '*Fālsāfah al Ḥādḥārāh*' terj. Dr. Abdul Rahman Badawi, al *Muāṣṣāh al Miṣriyyah al Āmmāh*, , Misr, h.35.

³⁸ Abdul Latif Muda (1983), *Pemikiran Islam menghadapi cabaran*, Kuala Lumpur: ABIM, h.9.

³⁹ Said Hawa (1977M/1397H), *al Islām*, Qahirah: Maktabah Wahbah, Juz'.3 , h.89.

perkembangan kehidupan manusia, sama ada dalam bentuk pemikiran atau kebendaan. Inilah sebenarnya yang membezakan tamadun Islam dengan tamadun tamadun lain. Tamadun Islam merupakan tamadun insaniiyyah yang terangkum di dalamnya asas-asas keadilan, asas-asas berfikir dalam semua pendisiplinan sistemnya, misalnya sistem politik, kebudayaan, juga asas ilmu yang berkait dengan falsafah, seni, perubatan, geografi, muzik dan sebagainya.⁴⁰

Berdasarkan beberapa definisi tamadun yang dikemukakan di atas, maka dapatlah dibuat satu rumusan, iaitu pada dasarnya tamadun akan berpautan dengan kebendaan(pembangunan), sebagai contoh 'pembangunan bandar' manakala pembangunan kerohanian, ialah 'pembangunan akhlak'.

Oleh itu, tamadun dalam pengertian yang lebih mudah ialah kemajuan jasmani (benda) dan kemajuan rohani (*abstract*). Ringkasnya intipati tamadun Islam dapatlah digambarkan keunikannya dengan empat ciri utama. Pertama; bahawa Tamadun Islam itu adalah bersumberkan al Quran al Karim, kedua: ianya mempunyai bentuk tetap dan tidak dipengaruhi oleh hawa nafsu. Ketiga; bersifat terbuka kepada semua tamadun dan keempatnya; kesesuaian dan keserasian tamadun Islam itu dengan tabiat semulajadi manusia. Ciri-ciri inilah sekaligus meletakkan tamadun Islam sebagai yang teristimewa jika dibandingkan dengan lain lain tamadun di dunia. Tamadun Islam ialah paduan di antara pembangunan material dan spiritual atau antara kebendaan dan

⁴⁰ Abu Bakar Hamzah(1972), *Sejarah Kebudayaan Islam*, Kuala Lumpur:Pustaka Aman Press, h.9.

kerohanian. Konsep kesepaduan ini jelas sekali dengan keserasian fitrah manusia yang terdiri dari jasad dan roh. Inilah sebenarnya ciri-ciri keunikan tamadun Islam, sekaligus meletakkannya sebagai tamadun unggul dan universal. Oleh sebab itu, Ziauddin Sardar telah mendefinisikan tamadun sebagai pengaliran keseluruhan budaya spiritual dan material. Antara lain ia mengandungi beberapa aspek, iaitu budaya, organisasi sosial dan politik, nilai dan norma dan aspek sains dan teknologi.⁴¹

Dalam konteks tersebut, al Quran bukan sahaja sumber hidayah tetapi adalah sumber ilmu dan tamadun bagi seluruh alam dan manusia. Md. Akhir b. Hj Yaakob(1987), berpendapat Al Quran merupakan manhaj yang merangkumi seluruh cita-cita tamadun manusia dan seluruh nilainya yang merangkumi peraturan peribadi manusia, masyarakat dan negara.⁴² Al sunnah Nabi s.a.w pula adalah penafsir kepada ketamadunan Islam. Islam tidak mungkin dapat dilihat sebagai sesuatu yang sempurna tanpa bantuan dan penjelasan kandungan sunnah.⁴³

Tamadun Islam tidak memisahkan tuntutan kebendaan dan kerohanian. Sedangkan tamadun barat telah memisahkan kedua-duanya. Dalam hal ini, Maryam Jameelah(1960) menyifatkan falsafah tamadun barat sebagai tamadun yang memiliki jasad, tetapi jiwanya dan nilai akhlakunya tiada. Ianya tidak lebih seperti 'tamadun ciptaan mesin', yakni

⁴¹ Ziauddin Sardar(1992), *Hujah Sains Islam*,(terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1-2.

⁴² Md.Akhir Hj.Yaakob(1987), "Al Quran sumber Hadharah(tamadun)," dalam Md.Akhir Hj. Yaakob(penyelaras), *Tamadun Islam: asas penyelesaian masalah manusia*, Kuala Lumpur: Al Rahmaniyyah, h.10.

⁴³ Zakaria Stapa(Penterjemah) (1994), *Kedudukan Hadith Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, h.2-4.

tanpa jiwa dan perasaan.⁴⁴ Uniknya tamadun Islam ialah prinsip jaminan keamanan dan kesejahteraan dunia dan akhirat. Menyentuh tentang keunikan ini, Ibn Khaldun(1332 – 1406M), telah mengungkapkan dalam kitabnya, dengan katanya;

واعلم ان هذه هي الحكمة المقصودة للشارع في تحريم
الظلم وهو ما ينشأ عنه من فساد العمران وخرابه وذلك مؤذن بانقطاع
النوع البشرى وهي الحكمة العامة المرادة للشرع في جميع مقاصده
الضرورية الخمسة من حفظ الدين والنفس والعقل والنسل والمال.

Terjemahan: *Ketahuilah bahawa dengan membendung kezaliman merupakan hikmat(rahsia)dari tujuan syariat Islam. Lantaran kezaliman itulah melahirkan pula kerosakan dan kehancuran umat. Dan inilah dia hikmat umum berupa pemeliharaan kesejahteraan bagi semua tujuan syara' yang terkandung dalam prinsip nilai-nilai sejawat, yakni prinsip kemudharatan yang lima, iaitu pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda.*

Prinsip '*māqāṣid al syarīah*' telah dihuraikan secara terperinci oleh Amir Hj.Abd.Rahman(1988)⁴⁶, antara lain seperti berikut; Pertama; Memelihara jiwa atau Nyawa atau Hak hak hidup. Allah (swt) mengurniakan kehidupan kepada setiap manusia dan makhluk lain, tidak harus sesiapa pun mencabar hak ini, kecuali dengan kebenaran daripadaNya, kerana kehidupan adalah hak masyarakat. Allah (swt) menegaskan tentang hidup ini dalam firmanNya, antaranya seperti ;

وَأَنَا لَنَحْنُ نُحْيِي وَنَمِيتُ وَنَحْنُ الْوَارِثُونَ

Surah al Hijr(15):23

⁴⁴ Maryam Jameelah(1960), *Islam and Western Society*, Pakistan:Lahore, h.131.

⁴⁵ Ibn Khaldun(t.t), *Muqaddimah Ibn Khaldūn, Li Kitāb al Ibr Wā Diwān al Mubtādā' Wā al Khābār Fī Ayyām al Arab Wā Al Ajām Wā al Barbār. Miṣr: Maktabah Wā Maṭbāh al Ḥajj Abdūṣ Ṣalām Ibn Muḥammād Ibn Ṣyākriṅ*, h.254.

⁴⁶ Amir Hj.Abd.Rahman(1988), *Pengantar Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.13-18.

Terjemahan: *Dan sesungguhnya Kamilah yang menghidupkan dan mematikan, dan Kamilah yang menjadi waris.*

Pencerobahan ke atas hidup seseorang bermakna menceroboh ke atas masyarakat seluruhnya, sepertimana firman Allah (swt) :

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا.

Surah al Maidah(5):32

Terjemahan: *Dan Sesiapa yang membunuh orang tanpa kesalahan atau berbuat kerosakan di bumi, maka seolah olah ia membunuh manusia semuanya.*

Demikian juga, seseorang yang membunuh orang lain atau dirinya sendiri, dianggap melakukan jenayah sosial yang besar, iaitu melawan qada' Allah (swt) dan kekuasaanNya. Ia berhak menerima azab akhirat, sepertimana firman Allah (swt);

وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ عُدْوَانًا وَظُلْمًا فَسَوْفَ نُصَلِّهِ نَارًا.

Surah al Nisa'(4):30

Terjemahan: *Dan Sesiapa yang melakukan yang demikian secara ceroboh dan zalim, maka Kami akan membakarnya dengan api.*

Keduanya: Memelihara Akal Fikiran; Kesempurnaan akal menunjukkan kesempurnaan makhluk manusia berbanding lain-lain makhluk. Dengan akal, manusia memahami wahyu Allah (swt) sebagai pedoman dalam kelangsungan kehidupan ini

تِلْكَ الْأَمْثَالُ لَضَرِبِهَا لِلنَّاسِ وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا الْعَالِمُونَ.

Surah al Ankabut(29):43

Terjemahan: *Perumpamaan perumpamaan itu Kami adakan untuk manusia, tetapi tidak difahaminya, kecuali orang-orang yang pandai.*

Aliran falsafah Esensialisme bersetuju matlamat pendidikan ialah mengekalkan tradisi dan tamadun sesuatu masyarakat. Di kalangan aliran ini ada yang berpendapat penyebaran kebudayaan bangsa dan latihan intelek adalah matlamat pendidikan. Malahan pendidikan juga boleh bermatlamatkan kesihatan fizikal, emosi, kemahiran vokasional bagi membolehkan mereka hidup dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan mengikuti kursus kursus pra vokasional.⁴⁷

Aliran falsafah Perennialisme berpendapat kebenaran adalah universal dan tetap. Ini bermakna kebenaran adalah sama di mana-mana sahaja. Matlamat dalam TITAS sewajarnya bukan setakat dapat menyesuaikan diri dengan alam sekitar, tetapi adalah kepada hakikat kebenaran atau kepada apa yang benar. Pendidikan Perennialisme juga bermatlamatkan pembentukan sikap berpaksikan matapelajaran-matapelajaran yang berkaitan dengan moral, estetika juga prinsip-prinsip agama. Matlamat bagi aliran falsafah Progresivisme pula ialah membina jiwa dan intelek kanak-kanak melalui kemahiran dan alat yang digunakan bagi menyelesaikan masalah. Ini bersesuaian dan selari pula dengan gagasan kebebasan dan pembangunan sosial yang mereka perjuangkan. Aliran pendidikan Rekonstruksionisme menyatakan matlamat utama pendidikan ialah membina semula masyarakat baru, masyarakat yang saling bersandar atau yang memerlukan antara satu sama lain. Bagi membangunkan masyarakat sepertimana dihasratkan itu, maka matlamat falsafah pendidikan Rekonstruksionisme ialah menimbulkan

⁴⁷ Van Scottes, *et.al* (1979), *Foundation of Education Social Perspectives*, New Jersey: Prentice - Hall, Inc., Englewood Cliffe. h. 124

kedaran murid-murid tentang masalah sosial, ekonomi dan politik yang dihadapi oleh manusia secara menyeluruh, dan mendidik mereka bagi memperoleh kemahiran yang penting bertujuan menyelesaikan masalah tersebut.

Aliran falsafah eksistensialisme menyatakan manusia mempunyai kebebasan, mana-mana peraturan masyarakat yang menyekat kebebasan manusia perlu dihindarkan.⁴⁸ Pelajar-pelajar hendaklah didorong untuk mengenali dan memenuhi kebebasan sebagai manusia. Falsafah sebenar Eksistensialisme individu mestilah memberi prioriti terhadap dirinya sendiri dan mencipta kebebasan sendiri dan seterusnya mengecap kejayaan.⁴⁹

Oleh itu, dapatlah dikatakan matlamat pendidikan Eksistensialisme ialah membimbing individu mengembangkan potensinya dengan sewajarnya bagi kesempurnaan sendiri.

2.5 Halangan ke arah Kecapaian Matlamat Kursus TITAS.

Pembaratan sistem pendidikan telah menularkan belengguan fikrah ummah dalam aspek falsafah kebendaan. Malahan konsep-konsep kebudayaan sekular dan kebendaan menelusuri benak dan pemikiran ummah melalui buku-buku teks, kesusasteraan, perfileman, media-media cetak atau elektronik yang mengghairahkan hiburan tanpa kawalan. Ditambahkan lagi dengan propaganda politik kepartian serta penyebaran

⁴⁸ Kneller, George F(1971), *Introduction to the Philosophy of Education*, 2nd ed. New York: John Wiley and Sons., h.48

⁴⁹ Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa(1987), *Falsafah dan Konsep Pendidikan*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, h.50.

idea – idea kapitalisme, sosiolisme dan komunisme. Prof. Dr. Mohd Kamal Hassan berpendapat, keadaan ini bertambah kronik dan gawat, bilamana penggunaan teknologi barat telah mempercepatkan lagi proses penaklukan melalui pemikiran melalui penyebaran suatu idea, meskipun palsu, bahawa kemajuan kebendaan boleh dicapai hanya dengan membebaskan pemikiran manusia dari sikap keagamaan.⁵⁰

Pembebasan diri manusia dari bertaut kepada unsur-unsur keagamaan ini, menyebabkan ummah menghadapi krisis identiti. Justeru itu, Faruqi(1989) melahirkan keyakinannya ke arah mengembalikan "*sense of indentity*" kepada seseorang individu itu, sekiranya pengajian tamadun Islam diperkenalkan di institusi-institusi pengajian tinggi.⁵¹

Oleh itu, kesedaran di jiwa akan tetap dapat dipertahankan andainya pengembangan ilmu dan falsafah pemikiran umat Islam dibebaskan sepenuhnya dari belengguan sekularisme. Inilah sebenarnya cabaran dalam usaha merealisasikan kecapaian matlamat TITAS dalam konteks IPTA di hari ini. Alternatifnya, tidak ada cara lain, selain dari mengembalikan sistem dan perkaedahan pengajaran masa kini dengan konsep '*‘āl rābbānīyyāh.*' Bagi menampakkan rasional konsep ini dalam merealisasikan kesedaran jiwa ummah, wajarlah konsep '*‘āl rābbānīyyāh.*' diteliti maksud dan pengertiannya.

⁵⁰ Mohd Kamal Hassan, Dr Prof. (1988) "Penghayatan Islam dalam Pendidikan" (Kertas kerja Bengkel Pengajaran Pembelajaran Kursus Tamadun Islam, di Teluk Pahang, anjuran USM pada 26-28 Mac. 1988), hal. 2.

⁵¹ Ismail Faruqi(1989), *The Islamization of the Knowledge, General Principles and Work Plan*, (ed), Abu Hamid Sulayman, Virginia, USA: IIT, hal. 30.

Rābbānīyyāh ialah sesuatu prinsip atau konsep yang disandarkan kepada Allah (swt) sebagai *Rābb*. Ini jelas dari maksud *āl Rābbānīyyāh* yang diberikan oleh Ibn Manzur,⁵² iaitu *āl rābbānī* ialah orang yang berilmu tentang *Rābb*. Alasan ini adalah disandarkan kepada kata-kata Muhammad bin Ali bin al Hanafīyyah, ketika menyifatkan kematian Ibn *Ābbāṣ*. Katanya;

اليوم مات رباني هذه الأمة

Maksudnya; “Pada hari ini telah meninggal orang orang ‘*Rābbānī*’ di kalangan umat ini”.

Al Imam Ibn Kathir, menyatakan ketika mentafsirkan *āl rābbānīyyūn* dalam ayat berikut dari surah al Imran, 3:79

وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ

Bermaksud ‘*āl ulāmā’ wā ‘āl ūbbād’*, berilmu dan ahli ibadah.⁵³

Maka mereka itulah para *ḥukūmah*, *ulāmā* lagi *fūqūḥā* seperti ditegaskan oleh para *ulāmā’ Ṣālāfiyyāh*.⁵⁴ Manakala *āl Ṭabāṭabā’ī* berpendapat *rābbānīyyīn* adalah mereka yang mengetahui hakikat sebenar al Quran (al Kitab), dan bersaksi dengan sebenar-benar persaksian, iaitu dengan memelihara hukum hakam yang terdapat dalam al Quran, menjelaskan dan menyaksikan kebenarannya.⁵⁵ Ungkapan ayat di atas juga bermaksud berilmu (ulama), yang mengajar lagi benar-benar faham

⁵² Nama sebenarnya adalah Jamal al Din Muhammad b. Mukarram al Ansori (t.t), *Liṣān Āl Ārāb*, vi Jilid, Tahqiq Abdullah Ali al Kabir.(t.t) Muhammad Ahmad Hasb Allah(swt) dan Hasyim Muhammad al Syadhali, Misr: *Dār al Mū’arūf*, Jld.2, hal. 1548-1549.

⁵³ Ibn Kathir(1980), *Tafsīr al Qurān al Āzim*, 4 Jilid, Beirut: Daral Ma’arifah, jld.2, h. 60

⁵⁴ Ibid., Jld.1, hal. 377

⁵⁵ Al Tabata’I, Syed Muhammad Husaayn(1983), *āl Miṣān Fī Tafsīr al Qurān*, 21 Jld, Beirut: Mu’assasah al Alami li al Matbu ah, jld.5, hal. 362-363.

(*fūqāhā'*) dalam keagamaan.⁵⁶ Ia juga membawa maksud penisbahan kepada *al Rābb*, yakni Allah (swt), dan seseorang itu adalah insan rabbani, jika wujudnya keakraban hubungan dengan Allah (swt) mengetahui mengenai agamanya, KitabNya serta mengajarkannya.⁵⁷

2.6 Kaedah Pengajaran TITAS dalam konteks IPTA

2.6.1 Pendahuluan

Jelaslah, bahawa matlamat utama penawaran kursus TITAS di IPTA ialah menyepadukan antara iman kepada Allah (swt) dan ilmu yang bermanfaat serta penggabungan antara teori dan amali bagi membentuk masyarakat berilmu, berketerampilan dan berperibadi tinggi serasi dengan kandungan dan inspirasi falsafah pendidikan negara.

Justeru itu, kaedah pengajaran haruslah menjurus ke arah mencapai matlamat tersebut. Antara kaedah yang difikirkan sesuai untuk kursus TITAS dalam konteks di IPTA ini, ialah kaedah ceramah, perbincangan, kaedah deduktif dan induktif.

Kaedah ceramah ialah pengajaran fakta fakta, atau prinsip-prinsip oleh guru secara lisan. Menurut Colman(1967), kaedah ceramah bukanlah membaca sesuatu teks, tetapi haruslah menerangkan, memberikan interpretasi dan menghuraikan idea-idea dan konsep yang tercetak di

⁵⁶ Sheikh Husayn Muhammad Makhlut(1970), *Kālimāt al Qūrān Tafsīr wā Bayān*, al Qahirah: *Iṣā al Bābi al Ḥalābi*, h. 42 dan 82.

⁵⁷ Yusuf al Qardhawi,Dr(1977), *al Khāṣā'is al Āmmāh li al Islām*, Qahirah: *Ḍār Ghārib li Tibāāh*, h.17.

buku teks.⁵⁸ Kaedah ini hanya boleh digunapakai, kiranya guru itu benar benar mengetahui kebolehan pelajar mengikuti ceramahnya seperti kefahaman konsep-konsep asas, perbendaharaan kata dan sebagainya. Ceramah guru perlulah mengandungi pengenalan untuk memusatkan perhatian pelajar, isi untuk mengembangkan idea-idea yang di sampaikan dan kesimpulan, iaitu mengulangi fakta-fakta penting yang diceramahkan.

Brown dan Thornton(1963),⁵⁹ berpendapat mutu ceramah yang baik haruslah mengandungi aspek-aspek berikut; misalnya nota-nota yang lengkap, memulakan ceramah dengan menerangkan kaitan pelajaran yang akan disampaikan dengan pelajaran yang lalu; jika sesuai, mulakan dengan mengemukakan masalah dan kaitkan isi pelajaran dengan masalah-masalah tersebut, ; takhsiskan isi kandungan ceramah kepada aspek-aspek terpenting sahaja,; gunakan pengalaman dan latar belakang pelajar sebagai contoh mengenai perkara-perkara yang sedang dipelajari,; ceramah tersebut dipertuturkan seperti pertuturan biasa, dan jangan dibaca. Kecepatan ceramah haruslah dapat diterima oleh kebanyakan pelajar,; kawal suara agar nada dan kekuatannya sesuai dan tidak membosankan,; hidupkan ceramah dengan menyemai minat dan semangat untuk pelajaran tersebut; tunjukkan rasa yakin apabila menyampaikan ceramah, dan di akhirnya hendaklah disimpulkan ceramah sambil mengulangi aspek-aspek penting, di samping memaklumkan juga kepada para pelajar perkara-perkara yang akan dipelajari di masa yang akan datang.

⁵⁸ Colmen, John E(1967), *The Master Teachers And Arts of Teaching*, London: Pitman Publishing Corporation, h. 23

⁵⁹ Brown J.W dan Thornton J.W(1963), *College Teaching : Perspective and guidelines*. Mc Graw Hill Book Company, h.140.

Selain daripada itu, kaedah perbincangan juga mungkin dapat dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran TITAS 1. Kaedah perbincangan ialah perbuatan pelajar-pelajar di bawah penyeliaan guru. Pelajar-pelajar diberi peranan aktif untuk menyatakan pandangan mereka mengenai sesuatu topik.

Dalam hal ini, pandangan Sharifah Alwiyah al Sagoff(1986),⁶⁰ mengenai langkah-langkah yang perlu disempurnakan, mungkin boleh diambilkira dalam pelaksanaan sesi perbincangan tersebut. Lebih kurang sepuluh langkah telah dicadangkan oleh beliau; Pertama: Bina perbincangan dari pengalaman dan kefahaman yang sudah diperolehi oleh para pelajar, keduanya: terangkan dan hadkan topik perbincangan, agar mudah difahami serta dapat pula dibincangkan dalam masa yang ditetapkan. Ketiganya: terangkan aturan perbincangan; bagaimana sepatutnya dikendalikan, bila harus ditamatkan dan apa objektif akhir yang harus dicapai. Keempatnya: perbincangan mungkin dibolehkan memesonng ke arah lain sedikit, sekiranya pemesonngan itu bermanfaat. Kelimanya: hidupkan semangat tolong-menolong dan ramah mesra dan janganlah menyebelahi mana-mana pihak. Keenam: kemukakan soalan yang dapat mencungkilkan peranan utama dalam perbincangan. Ketujuh: guru haruslah mengelakkan diri dari mengambil peranan utama dalam perbincangan. Kelapan: ringkaskan perkara-perkara penting dalam perbincangan. Kesembilan: Nyatakan dan terangkan pendapat pelajar dan minta pelajar-pelajar memberi contoh, supaya maksudnya jelas. Dan

⁶⁰ Sharifah Alwiyah al Sagoff(1986), *Ilmu Pendidikan Pedagogi*, Kuala Lumpur: Heinemann(Malaysia) Sdn Bhd, h. 185.

langkah yang kesepuluh: tinggalkan sedikit masa untuk guru mengulas perbincangan dan pelajar-pelajar mencatat ulasan yang diberikan oleh guru.

Sementara itu, Mozes R. Toelihere dan Yuhara Sukara(1987), menyarankan langkah berikut perlu dituruti, pertamanya: Penjelasan masalah; formulasi hipotesa, Keduanya: menyarankan data atau informasi yang relevan, ketiganya: Diskusi tentang ciri-ciri penyelesaian yang dapat diterima, keempatnya: menawarkan penyelesaian yang mungkin dan kelimanya: menilai penyelesaian dalam kaitan dengan butir ketiga. Dan selama proses diskusi, keterampilan mendengar dapat dikembangkan dengan menanyakan setiap pelajar untuk mengulangi atau menafsirkan apa yang dikatakan oleh peserta terdahulu sebelum memberi tanggapan.⁶¹

Seperkara yang penting dalam kaedah perbincangan ini, para pelajar perlulah diberi kesempatan untuk berlatih memformulasikan hipotesa dan berfikir kritis. Bimbingan perbincangan atau diskusi yang efektif memerlukan kesabaran serta keterampilan pengajar.⁶²

2.6.2 Perkaedahan Deduktif dan Induktif dalam Pengajaran TITAS.

Kaedah deduktif dan induktif adalah di antara kaedah yang boleh dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS di IPTA. Kaedah deduktif ialah guru memulakan pengajaran dengan rumusan, prinsip atau dasar terlebih dahulu, kemudian diikuti dengan penerangan dan contoh. Kaedah

⁶¹Mozes R. Toelihere, Yuhara Sukra(1987), *Pedoman Perbaikan Pengajaran*, Jakarta: Universitas Indonesia, h.15.

⁶²Ibid., h.13.

Tenaga Pengajar perlu sekali menggunakan kaedah deduktif dan induktif ini dalam memperihalkan kebenaran sistem tamadun Islam atau ajaran Islam. Montgomery Watt(1987),⁶⁷ dengan panjang lebarnya membincangkan ‘*Ummāh*’ dari segi etimologi dan terminologi. Baginya kaum adalah bagi masyarakat yang ingkar perintah tuhan.⁶⁸

Ummah lebih dirujuk kepada masyarakat Islam yang merupakan pengikut taat kepada Nabi s.a.w. Beliau agak tersasar, bilamana menyifatkan pembentukan masyarakat dan negara Islam berdasarkan dan ditauladani dari konsep pra Islam.

Katanya; *“Is that its origin , the Islamic state was based on, and exemplified, pre Islamic political concept”*⁶⁹

Bukan itu sahaja, bahkan dalam bab ke lapan (hal.90), “The Community as bearer of values”. Menampakkan pandangan yang berterusan keliru, apabila mengaitkan sifat-sifat mulia dalam masyarakat Islam dengan dorongan faktor keturunan, disebabkan nenek moyang mereka adalah orang mulia dan terpuji. Sifat sifat yang dimaksudkan ialah seperti berani dalam medan peperangan, sabar ketika ditimpa musibah, bertekad dalam menebus maruah, jika dikalahkan musuh, memberi perlindungan kepada yang lemah, tentangan kepada si gagah. Pada hal, semua sifat mulia itu dijelmakan kesan proses sosialisasi mereka bersama para sahabah nabi s.a.w yang terdidik dengan *ṭarbiyyāh rabbāniyyāh*. Mereka ini terdiri dari ummah ansor dan muhajirin. Dan mereka adalah para sahabat nabi

⁶⁷ W.Montgomery Watt(1968), *Islamic Political Thought*, Edinburgh: Edinburgh University Press, hal. 14.

⁶⁸ Beliau(W.M Watt) berhujjah dengan bersandarkan ayat ayat Al Quran; Surah Ath Thuur(52):32 dan Surah Al Haaqqah(69): 7.

⁶⁹ W.Montgomery Watt, *Op.Cit*, h. 14

s.a.w yang menubuhkan masyarakat Islam di Madinah.⁷⁰ Oleh itu, pengajar perlulah memperbetulkan segera kepalsuan fakta dengan merujuk terus sumber berautoriti dan muktabar.

2.7 Penggunaan Teknologi Pendidikan Dalam Pengajaran TITAS

2.7.1 Pendahuluan

Teknologi pendidikan mempunyai ruang lingkup yang luas sepertimana luasnya bidang pendidikan yang agak sukar ditakrifkan.⁷¹ Naim(1991)⁷² pula mentakrifkan teknologi pendidikan sebagai satu pendekatan atau perkaedahan yang memadu secara harmoni fungsi-fungsi pengurusan, pengembangan dan sumber secara yang sistematik untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi proses pengajaran dan pembelajaran manusia. Sementara AECT⁷³ atau Association for educational Communications and Technology(1977), berpendapat teknologi pendidikan adalah satu bidang yang melibatkan kemudahan pembelajaran manusia secara sistematik dalam mengenalpasti, pengembangan organisasi dan kepenggunaan segala sumber-sumber pembelajaran juga menerusi pengurusan proses-proses tersebut.

Penggunaan teknologi pendidikan ini sangatlah signifikan dalam konteks IPT menghadapi arus globalisasi dan teknologi maklumat masa kini. Sehubungan

⁷⁰ Sherwani Haron Khan(1945), *Studies In Muslims Political Thought and Administration*, Lahore, h.148.

⁷¹ Lawless, C. and Kirkwood(1979), *A. Training the educational technologist*, British Journal of educational technology, 7(1), hal. 54-60.

⁷² Naim Hj. Ahmad(1991), *Pusat Sumber Sekolah sebagai Pengkalan Penyebaran Teknologi Pendidikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran*, (Kertas kerja Seminar Pusat Sumber Sekolah, K.Lumpur, 15-16 Julai 1991). h.16

⁷³ AECT Task on definition and terminology (1977), *Educational Technology: definitions and glossary of term*. Washington: Association for Educational Communications and Technology.

dengan itu, Dr. Chuah Chong Cheng(1988),⁷⁴ telah mengutarakan sekurang kurangnya tiga objektif utama pendidikan di peringkat Universiti atau di IPTA. Pertama; bagi mencapai objektif pengetahuan, para pelajar harus mengetahui peristilahan asasi mata pelajarannya, mengetahui prinsip-prinsip(hukum dan konsep asasi) dalam kursusnya serta memahami sebilangan kegunaan yang kursus yang diikutinya dapat diaplikasikan dalam kerjayanya kelak. Kedua; bagi mencapai objektif kemahiran, pengajaran di IPTA, haruslah membolehkan pelajar menulis dengan tepat dan jelas, fasih pertuturan, keputusan boleh dibuat sendiri, maklumat diperolehi dengan cekap, berfikir secara kreatif, imaginative dan dari segi abstrak, bekerjasama dengan rakan-rakan sekerja dan professional lain pada masa kelak, serta mengembangkan daya penyesuaian, iaitu untuk mengejar pola(kemajuan teknologi umum serta idea baru dalam matapelajaran diri sendiri). Objektif ketiga; pembentukan sikap, hendaklah dipupuk dalam diri pelajar itu 'entusiasme' untuk belajar, keminatan terhadap kejitian dari segi pendidikan, dan keinsafan masalah masyarakat dari segi moral, agama, politik, sains dan teknologi.

Kebiasaannya pengajaran berorientasikan ceramah atau pengkuliahan, adalah paling popular dan lumrah. Banyak kebaikan dari perkaedahan ini, antaranya ialah lebih banyak pengawalan pensyarah tentang skop dan ruang lingkup isi kandungan untuk diliputi dalam suatu jangka masa tertentu. Dan keberkesanan kaedah ini bergantung pula kepada kebijaksanaan dan kesesuaian kepenggunaan alat bantuan pengajaran.

⁷⁴ Chuah Chong Cheng, Dr (1988). 'Sinar Cendikia' risalah bercetak, terbitan unit penasihat pengajaran dan pembelajaran, Canselor Universiti Sains Malaysia, 1988. h.20

Menurut Atan Long(1981), dalam proses penyampaian pengajaran, tidak ada satu kaedah tertentu yang benar-benar sesuai untuk semua murid pada setiap ketika.⁷⁵ Hal ini dipersetujui oleh Sharifah Alwiyah al Sagof(1986),⁷⁶ yang berpendapat bahawa tidak ada kaedah yang paling baik untuk semua situasi pengajaran. Pemilihan perkaedahan pengajaran lebih bergantung kepada suatu subjek atau topik yang hendak diajarkan. Zakaria Abdul Rahman(1984),⁷⁷ berpendapat wujudnya perbezaan perkaedahan mengajar di antara matapelajaran berbentuk konsep dan kemahiran. Konsep akan dapat diterangkan dengan mudah, jika dapat dikaitkan pengajaran dengan pengalaman seharian pelajar. Sedangkan matapelajaran yang berbentuk kemahiran, guru perlu melakukannya dan seterusnya pula menunjuk ajar.

Beberapa kajian telah dibuat yang mengesahkan bahawa penggunaan teknologi pendidikan telah memberikan kesan yang baik dalam pengajaran. Misalnya kajian Brown yang dipetik oleh Abd. Rahman Hj.Husain (1983/84)⁷⁸ telah mengenalpasti beberapa kesan baik dari penggunaan teknologi pendidikan. Antaranya ialah, Pertama: Pendidikan lebih produktif, kerana mempercepatkan kadar pengajaran dan guru mempunyai masa terluang untuk kerja-kerja perancangan dan penyelidikan. Kedua: Pengajaran secara individu dan pembelajaran adalah mengikut keupayaan pelajar sendiri, manakala guru boleh menumpukan lebih masa kepada pelajar yang agak lemah. Ketiga: Pengajaran lebih bertenaga dan boleh menimbulkan situasi pembelajaran positif, kerana dapat membawakan peristiwa-peristiwa yang berlaku di tempat yang jauh serta

⁷⁵ Atan Long(1981), *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*, Petaling Jaya, Fajar Bakti, h.144

⁷⁶ Sharifah Alwiyah al Sagof(1986), *Ilmu Pendidikan Pedagogi*, h.15.

⁷⁷ Zakaria Abdul Rahman(1983/84), *Keberkesanan Mengajar: faktor guru*, dalam Suara Pendidik, Jld. 9-10, No.2, Bulan Jun 1983/84.

⁷⁸ Abd. Rahman Hj Husain(1983/84), 'Media Teknologi dan Pendidikan' Suara Pendidik, Jld. 9-10, No.2, Jun 1983/84.

memendekkan atau memanjangkan masa berlakunya sesuatu peristiwa dan mengecilkan dan membesarkan saiz sesuatu objek. Keempat: Pembelajaran lebih cepat kerana dapat mendekatkan jurang di antara dunia luar dengan dunia persekolahan. Kelima: Pendidikan lebih seimbang kerana pelajar yang berada di persekitaran yang berbeza(Bandar dan luar Bandar) memperolehi kesempatan mempelajari bahan yang sama.

2.7.2 Penggunaan Kaedah Arahan Perbantuan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran TITAS


Bersesuaian dengan ledakan teknologi maklumat dan multimedia yang mengambilalih dalam semua urusan kehidupan manusia, maka sewajarnya bidang pendidikan juga tidak harus ketinggalan. Penciptaan cakera keras(hard disk) yang berkapisiti tinggi seperti 4.3 Gigabytes(kini 10.2 GB), sekaligus menyumbang pula kepada ledakan kepesatan bahan bahan pengajaran dan pembelajaran interaktif yang memerlukan ruang simpanan maklumat yang besar. Secara tidak langsung ini turut menghasilkan bahan bahan berbentuk Arahan berbantuan Komputer, atau '*Computer –Assisted Instruction*' (CAI) yang mana mengandungi pelbagai program program multimedia interaktif. CAI didefinisikan oleh Kropp(1970),⁷⁹ sebagai simpanan komputer untuk bahan–bahan berarahan, persembahan bahagian bahagian bahan tersebut kepada pelajar dan penilaian maklum balas pelajar. Contoh yang paling mudah ialah penggunaan CD-ROM sebagai cakera optikal yang dapat menyimpan 650 MB maklumat, adalah merupakan sumber atau gedung perbekalan keilmuan. Demikian juga penggunaan internet. Dengan internet, pendidik dan pelajar boleh mengakses

⁷⁹ R.P Kropp(1970). "*Making CAI Work*" dalam Margolin J.B and Misch M.R(Eds), *Computers In the Classroom*, Spartan Books, h.205-222.

kepada perpustakaan dunia dan percetakan bukan hanya kepada indeks melalui satu satu topik, tetapi kepada bahagian bahagian teks dan ilustrasi tertentu.⁸⁰

Para pelajar dengan mudah dapat berintraksi terus dengan pensyarah melalui halaman halaman web yang bina oleh pensyarahnya. Ianya juga merupakan satu program arahan yang direka dalam bentuk segmen segmen interaktif dengan maklum balas atau khidmat nasihat pakar.⁸¹ Seseorang pelajar yang hendak berkomunikasi dengan komputer, situasi intraksi perlulah diwujudkan. Maka, pelajar yang menggunakan program CAI dengan komputer, berlakulah proses pengintraksian manusia – komputer. Sejauhmanakah wujudnya keberkesanan proses interaksi yang berkait sesuatu pembelajaran ini, maka ianya boleh diukur pada skor pencapaian jawapan pelajar.⁸² Untuk lebih mudah, gambarajah di bawah ini, mungkin boleh membantu.

Rajah: 2.1: Proses Intraksi Pelajar dan Komputer



Sumber: Baker(1985)

⁸⁰ Rozinah Jamaludin(2000), *Asas-asas Multimedia Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, h.140

⁸¹ R.A Schwier dan E.R Misanchuk(1993), *Interactive Multimedia Instruction*, Englewood Cliffs New Jersey: Educational Technology Publications, Bab 1, hal. 4-6, Bab 2, hal. 26.

⁸² P.G Barker(1985), 'Mumedala- An Approach to Multimedia Authoring' dalam K. Duncan and D. Harris(Eds), *Computers In Education*, Elsevier Science Pulishers, hal. 165 - 172.

Dalam putaran maklumat program CAI(TITAS) di atas, para pelajar mendapat input maklumat melalui paparan skrin monitor berserta suara menerusi pembesar suara. Apabila pelajar menerima soalan atau tugasan, pelajar tersebut akan cuba menjawab(di sinilah berlakunya proses pengintraksian komputer – pelajar). Jawapan pelajar akan diproses oleh komputer(Program CAI menilai jawapan pelajar), maklum balas (skor nilai) akan dihantar ke kawalan CAI. Pengawalan ini akan menentukan, sama ada pelajar tersebut patut meneruskan permainan itu, atau berhenti dari meneruskannya atau boleh kekal di kedudukan tersebut.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran CAI ini mempunyai kelebihanannya, antaranya, CAI berupaya menyampaikan arahan berbentuk individu. Pelajar yang lemah sesuai kebolehan kognitifnya, manakala yang cerdas terus mencapai tahap yang lebih mencabar. Oleh sebab itu, kaedah ini, memberi lebih keutamaan kepada pembelajaran berbentuk individual.⁸³ Menurut Jensen(1971)⁸⁴ yang telah menyebut bahawa hasil kajian Binet, Koch, Munsterberg dan Bingham mengenalpasti pendengaran mempunyai kesan yang lebih kuat di bandingkan dengan pandangan. Mereka berpendapat bahan bahan pandang dengar yang disampaikan secara serentak melibat pendengaran dan penglihatan(Audio-visual) adalah paling berkesan untuk mengingatkan kembali maklumat dan fakta.

2.8 Kesimpulan dan Penilaian

Institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di Malaysia mengalami perubahan yang amat pantas. Faktor dasar dan wawasan, faktor

⁸³ A. Cleary, Mayes T, dan D. Packham(1976), *Educational Technology: Implications for Early and Special Education*, John Wiley & Sons, Ltd, hal. 103-121.

⁸⁴ A.R Jensen,(1971), *Individual Differences in Visual and Auditory memory*, Journal of Education Review, Vol 62, No 2, 1971

perundangan, pentadbiran, faktor-faktor luaran terutamanya arus globalisasi dan teknologi maklumat telah menggerakkan keseluruhan perubahan dalam sistem kependidikan negara. Matlamat asas pengajaran dan pembelajaran di peringkat tinggi bagi membolehkan para sarjana dan pelajar menyelidik, menulis, merancang dan menghasilkan dapatan-dapatan baru dalam bidang-bidang tertentu, untuk mengembangkan khazanah ilmu.

Proses mengajar di IPT harus berasaskan prinsip-prinsip pedagogi yang jitu dan teruji. Pengajaran yang cemerlang adalah pengajaran yang membawa atau menghasilkan pembelajaran yang bermakna dan berkesan di pihak pelajar. Fokus utama semasa mengajar ialah bukan apa sahaja yang dipelajari oleh pelajar, tetapi bagaimana dipelajari dan sejauhmana bahan itu difahami dan dihayati oleh pelajar.⁸⁵ Dalam proses pembelajaran, guru berperanan menterjemah, menghayati dan melaksanakan matlamat sesuatu kursus yang ditawarkan dan serasi pula dengan falsafah pendidikan negara. Bagi memupuk minat dan kecenderungan yang mendalam bagi sesuatu subjek, guru haruslah bermutu. Pandangan pelajar sama ada negatif atau positif adalah bergantung kepada sejauhmana keberkesanan pengajaran guru. Sebagai guru, hendaklah sentiasa memperlengkapkan diri dari masa ke semasa teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan terkini.

Menurut Lester D. Crow dan Alice Crow(1980), penguasaan isi pelajaran yang sesuai merupakan keperluan utama, kadang-kadang keperluan yang tunggal bagi pengajaran dan guru-guru bukan sahaja tahu apa yang diajar, tetapi juga

⁸⁵ Robiah Sidin(1998), "Perkembangan Pendidikan Tinggi dan Isu isu Pengajaran dan Pembelajaran" dalam Prosiding Seminar Isu isu Pendidikan Negara, 26-27 Nov.1998, UKM. h.5

boleh menyusun dan menyesuaikan bahan mengajar mengikut kebolehan dan peringkat minat pelajar-pelajar.⁸⁶

Al Abrasyi(1969), berpendapat seseorang guru hendaklah mempunyai kemampuan yang cukup mendalam dalam bidang keilmuan yang hendak diajarkan kepada pelajar-pelajarnya. Untuk itu, guru hendaklah sentiasa membaca dan mengkaji supaya apa yang disampaikan itu tidak dirasakan jumud dan bersifat mendatar.⁸⁷ Menyentuh tentang betapa pentingnya, penguasaan kemahiran di kalangan tenaga pengajar, Robiah Sidin (1998), misalnya menyarankan pensyarah di IPT (Institut Pengajian Tinggi) perlulah mendapat latihan yang khusus dalam penguasaan prinsip dan teknik pedagogi. Pengajaran dan pembelajaran haruslah dianggap misi utama sesebuah organisasi pendidikan. Kebolehan dan keberkesanan seorang pensyarah adalah untuk menentukan pelajar berupaya belajar dan berfikir dengan sendiri, termasuklah berupaya bertindak untuk merubah tingkahlaku dan sikapnya.⁸⁸ Pelbagai kemudahan teknologi perkomputeran haruslah dimanfaatkan semaksimum mungkin, bagi menjana keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Ketidakupayaan pelajar tidak adil diletakkan kesalahan sepenuhnya ke atas para guru dan pendidik. Ini antara lain-lain, adalah disebabkan krisis pemikiran dan keilmuan. Ketempangan keseluruhannya dalam sistem kependidikan negara adalah berpunca dari masalah krisis tersebut. Ketempangan ini adalah antara lain disebabkan matlamat pendidikan lebih berfokus kepada

⁸⁶ Crow dan Crow(1983), *op.cit.*, h. 26

⁸⁷ Al Abrashi, M.A.(1969), *Al Tārbiyyāh al Islāmiyyah Wā Fālāṣifātūhā*, Qahirah: *Iṣṣā al Bābī Wā al Hālābī*, h. 148

⁸⁸ Robiah Sidin(1988), "Perkembangan Pendidikan Tinggi dan Isu isu Pengajaran dan Pembelajaran," dalam Prosiding Seminar Isu isu Pendidikan Negara, 26-227 Nov. 1988, UKM. h.6

kepentingan pengembangan kognitif semata-mata, tanpa memperdulikan aspek akhlak atau proses pembinaan insan kamil. Faktor lain, ialah membenarkan wujudnya fenomena dualisme dan sekular dalam kurikulum dan sistem pendidikan negara, di samping buta dalam menghayati dan memahami sejarah dan tamadun bangsa(melayu Islam) dalam konteks mempelajari sistem pendidikan moden.

Ringkasnya, matlamat bagi sesuatu kursus atau matapelajaran haruslah meletakkan keutamaan kepada falsafahnya daripada prosesnya semata-mata. Insan yang baik (*kāmil*) sepertimana digariskan dalam falsafah pendidikan negara haruslah dijadikan paksi dan teras dalam proses kependidikan.

Seandainya, kependidikan lebih berfokuskan kejayaan individu, materialisme dan hambatan kemewahan, maka insan yang bakal dilahirkan ialah cerdas pandai yang kosong kemanusiaan, menggunakan kepakaran ilmu dengan melakukan penipuan, penyelewengan, putar belit dan jenayah.